

12 MAY 2000

Umno-Wanita

WANITA GAGAL REBUT KERUSI MT KERANA TIDAK ADA STRATEGI, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Kekalahan lima calon wanita untuk merebut antara 25 kerusi dalam Majlis Tertinggi (MT) semalam adalah kerana pergerakan Wanita tidak menetapkan strategi khusus bagi memastikan kemenangan mereka.

Ketua Wanita yang baru Datuk Seri Rafidah Aziz berkata beliau amat kecewa kerana buat pertama kali tidak seorangpun calon Wanita yang terpilih menganggotai MT disebabkan ramai yang bertanding sehingga mewujudkan perpecahan undi.

"... bukannya kerana anggota lelaki tidak menyokong," katanya kepada pemberita semasa waktu rehat persidangan agung Umno ke-54 di sini hari ini.

Rafidah berkata berdasarkan kepada pengalamannya pada setiap kali pemilihan sebelum ini, Wanita Umno akan memperakui hanya dua calon bagi memastikan kemenangan mereka.

" Walaupun ada wanita lain yang hendak bertanding, itu hak mereka, tetapi sokongan Wanita Umno hanya dua.

" Nampak gayanya kali ini tidak ada strategi, jadi Wanita ikut suka siapa hendak bertanding, bertandinglah," katanya.

Rafidah berkata: "Saya selalu dikritik dulu (semasa memegang jawatan Ketua Wanita antara tahun 1984 sehingga 1996) bila ketengahkan dua (calon), dan (dipersoalkan) kenapa dua (calon diiktiraf) kenapa tidak lebih, kita kena realistik, orang lelaki mempunyai banyak lagi calon yang perlu dipilih."

Walaupun ada yang berkecil hati, kepentingan pergerakan itu perlu diberikan keutamaan bagi memastikan ada wakilnya menang jawatan MT, katanya.

Rafidah juga berkata beliau membuat permohonan terbuka kepada Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melantik anggota Wanita menyertai MT.

Beliau mencadangkan dua orang -- naib ketua Wanita Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan seorang lagi -- yang mendapat undi terbanyak pada pemilihan itu di kalangan lima calon wanita untuk menduduki kerusi MT .

Shahrizat mendapat 786 undi menduduki tempat ke-29 daripada 63 yang bertanding, Norraeshah Mohamad yang mendapat 763 undi menduduki tempat ke-31. Calon-calun lain ialah Datuk Maznah Abdul Hamid (605 tempat ke-42), Raja Ropiah Raja Abdullah (458 tempat ke-48) dan Datin Paduka Zaleha Ismail (345 tempat ke-56).

Penyandang jawatan, Zaleha, yang kali ini mendapat jumlah undi terendah daripada kalangan lima calon wanita, juga dukacita kerana tidak seorang pun yang dipilih menduduki MT.

Beliau berkata calon wanita sepatutnya dipilih sebagai menghargai sumbangan wanita kepada parti kerana dalam jentera pilihan raya, wanitalah yang memainkan peranan besar.

"Sepatutnya dihargailah wanita, ibu mereka wanita, isteri mereka wanita, anak mereka wanita, kakaknya wanita, adiknya wanita, jadi tidak hendakkah lihat wanita terlibat sama dalam mentadbir negara?" tanya beliau.

Maznah yang turut dukacita dengan keputusan pemilihan MT itu berkata sepatutnya calon wanita diberi peluang kerana daripada segi kebolehan, keupayaan dan kematangan, mereka layak dan ia juga bagi memastikan wujud kombinasi pemikiran lelaki dan wanita di dalam proses membuat keputusan dan penggubalan undang-undang.

"Kalau hendak dikatakan calon wanita terlalu ramai, sekurang-kurangnya dua yang menyandang, dikekalkanlah," katanya.

Seorang pemerhati bahagian, Hajah Che Thee Yusof dari Umno Bahagian Machang berkata adalah tidak adil tiada seorang pun calon wanita dipilih sedangkan wanita perlu mempunyai wakil dalam MT..

"Tanpa wanita, siapalah lelaki," katanya.

Anggota perwakilan Wanita dari Sabah Endang Asibi dan Siti Aminah Haji Jabarkan sama-sama setuju bahawa calon wanita yang terlalu ramai membuatkan "perwakilan pening kepala mahu pilih siapa."

Ketua Wanita Umno Bahagian Tenggara, Halimah Mohamed Sadique pula berkata keputusan pemilihan MT menunjukkan sumbangan wanita tidak diiktiraf dan dihargai oleh anggota parti.

-- BERNAMA

HK HS RON